

# ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia (Online) – Segmen Dalam Negeri

Tarikh : 28 Mac 2012

Sumber :

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0328&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_07.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0328&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm&arc=hive)

## **Banyakkan perpustakaan masjid**

Oleh FARHANA JONI

pengarang@utusan.com.my

GOMBAK 27 Mac - Kerajaan berhasrat mewujudkan lebih banyak masjid dilengkapi kemudahan perpustakaan bagi menggalakkan pembudayaan ilmu di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, langkah itu juga bertujuan mengembalikan semula fungsi sebenar masjid yang lebih daripada sekadar tempat menunaikan ibadat khusus semata-mata.

"Kita mencadangkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Negeri supaya melengkapkan beberapa buah masjid yang terdapat di negara ini dengan kemudahan perpustakaan untuk kegunaan jemaah.

"Perpustakaan yang dibina di masjid itu juga perlulah lengkap dengan buku-buku mempunyai pelbagai judul dan genre bagi menarik perhatian generasi muda," katanya pada sidang akhbar di Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012 di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini hari ini. Persidangan selama dua hari itu turut melibatkan ahli panel dari Indonesia bagi membincangkan mengenai peranan dan fungsi sebenar masjid pada era globalisasi.

Menurut Jamil Khir, antara masjid yang lengkap dengan kemudahan perpustakaan di negara itu adalah Masjid Putrajaya; Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya; Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Negara.

Katanya, sehingga tahun ini, sebanyak 6,400 masjid telah dibina di negara ini tetapi hanya 64 buah sahaja yang mempunyai kemudahan perpustakaan.

"Bagaimanapun perpustakaan tersebut tidak lengkap dan kebanyakannya seperti bilik bacaan sahaja tanpa pustakawan dan sistem penjilidan buku yang betul," katanya.